



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN
SUKU TAHUN KETIGA 2023

**Anggaran KDNK awalan: Ekonomi Malaysia bertumbuh 3.3 peratus
pada suku tahun ketiga 2023**

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sekali lagi menghasilkan inisiatif baharu dengan menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan suku tahunan. Anggaran KDNK awalan suku tahunan ini telah dibangunkan untuk memenuhi permintaan statistik makroekonomi yang bertepatan masa dan selaras dengan amalan terbaik negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Singapura. Statistik ini akan menyediakan maklumat berharga kepada penggubal dasar dan pemain industri dalam mengukur keadaan ekonomi semasa dalam tempoh masa yang lebih pendek. Pembangunan anggaran awalan telah bermula sejak suku tahun kedua 2020 oleh DOSM untuk mengenal pasti petunjuk awal prestasi ekonomi semasa krisis kesihatan akibat pandemik COVID-19.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Berdasarkan anggaran awalan, KDNK Malaysia pada suku tahun ketiga 2023 berkembang 3.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023. Sektor Perkhidmatan terus memacu prestasi keseluruhan pada suku tahun ini, manakala sektor Pembinaan kekal bertumbuh sederhana. Selain itu, sektor Pertanian menunjukkan pemulihan selepas mencatatkan penyusutan pada suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan menguncup pada suku tahun ini. Oleh itu, prestasi keseluruhan bagi tiga suku tahun pertama 2023 menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.9 peratus (3ST 2022: 9.2%), dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada suku tahun ketiga."

Beliau menambah, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** meningkat 5.1 peratus (ST2 2023: 4.7%) pada suku tahun ketiga 2023. Prestasi yang menggalakkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan. Selain itu, sektor **Pembinaan** bertumbuh 5.8 peratus (ST2 2023: 6.2%) pada suku tahun ketiga 2023. Sektor **Pertanian** meningkat secara marginal 0.8 peratus (ST2 2023: -1.1%) pada suku

tahun ini, disumbangkan oleh pengeluaran yang lebih baik dalam subsektor Kelapa sawit.”

Sebaliknya, sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyusut marginal 0.1 peratus (ST2 2023: -2.3%), disumbang oleh penurunan pengeluaran dalam subsektor Gas asli. Sektor **Pembuatan** turut merekodkan penurunan marginal sebanyak 0.1 peratus (ST2 2023: 0.1%) pada suku tahun ini, dipengaruhi oleh pembuatan berasaskan Produk elektrik, elektronik & optikal; dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik berikutan permintaan luar yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, Produk minuman & tembakau dan Produk peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan meningkat pada suku tahun ini didorong oleh permintaan domestik yang membawa kepada peningkatan ketara dalam aktiviti pengeluaran.

Jadual 1: KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar, ST1 2022 – ST3 2023*

Jenis aktiviti ekonomi	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya YOY (%)									3ST 2022	3ST 2023*
	2021	2022	2022				2023				
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3*		
KDNK	3.3	8.7	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9	3.3	9.2	3.9
Perkhidmatan	2.2	10.9	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3	4.7	5.1	11.6	5.7
Pembinaan	-5.1	5.0	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4	6.2	5.8	3.4	6.5
Pertanian	-0.1	0.1	0.1	-2.3	1.2	1.1	1.0	-1.1	0.8	-0.3	0.2
Perlombongan & pengkuarian	0.9	2.6	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4	-2.3	-0.1	1.4	0.05
Pembuatan	9.5	8.1	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2	0.1	-0.1	9.7	1.0

Nota: *Anggaran awalan
3ST – tiga suku tahun pertama

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “Pengiraan anggaran KDNK awalan adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK sebenar disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan seperti Jadual 2. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk FAQ berkaitan anggaran KDNK awalan di portal DOSM. Analisis terperinci dan komprehensif mengenai ekonomi Malaysia bagi suku tahun ketiga 2023 akan dikeluarkan pada 17 November 2023.”

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Sebenar pada Harga Malar, ST1 2022 – ST3 2023*

Aktiviti Ekonomi (YoY%)	2022								2023				
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2		ST3*
	AE	Sebenar	AE	Sebenar	AE	Sebenar	AE	Sebenar	AE	Sebenar	AE	Sebenar	AE
KDNK	4.9	4.8	9.1	8.8	13.8	14.1	6.5	7.1	5.4	5.6	3.1	2.9	3.3
Perkhidmatan	6.5	6.4	12.6	11.9	16.1	16.7	8.3	9.1	7.1	7.3	5.0	4.7	5.1
Pembinaan	-5.6	-6.1	3.0	2.5	15.4	15.3	10.4	10.1	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8
Pertanian	-0.4	0.1	-2.0	-2.3	0.9	1.2	0.6	1.1	1.1	1.0	-2.2	-1.1	0.8
Perlomongaran & pengkuarian	-1.8	-2.2	-2.4	-1.7	7.1	9.1	5.9	6.3	2.2	2.4	-0.4	-2.3	-0.1
Pembuatan	6.4	6.7	9.1	9.2	13.6	13.1	3.9	3.9	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1


Nota: *Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST3 2020 – ST3 2023*



Nota : * Anggaran KDNK awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Diterbitkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 OKTOBER 2023